

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RDK 352 Pengurusan Koleksi  
NPM 053 Pengurusan Koleksi

Masa : ( 3 Jam )

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Soalan No.1 adalah wajib.

1. Perlu atau tidak sesebuah muzium itu membuat koleksi dan terangkan dengan jelas bahan-bahan yang harus dikumpulkan dan apakah faedahnya kepada negara dan rakyat.  
( 20 markah )
2. Anda diarah untuk membuat koleksi lapangan. Terangkan secara terperinci persediaan yang harus dibuat terlebih dahulu sebelum berangkat.  
( 20 markah )
3. Dalam menjalankan tugas pendaftaran sesuatu koleksi apakah faktor-faktor penting yang patut direkodkan sehingga ia dapat dikenalpastikan dengan mudah.  
( 20 markah )
4. Anda telah ditugaskan untuk membuat dokumentasi terhadap alat kebudayaan Orang Asli dan suku kaum Mah Meri. Terangkan dengan jelas fakta-fakta penting yang patut direkodkan yang boleh digunakan sebagai panduan oleh seseorang bakal penyelidik.  
( 20 markah )
5. Perlu atau tidak sesebuah muzium itu mempunyai setor, dan terangkan secara deskripsi setor yang "ideal" untuk sesebuah muzium dan terangkan secara terperinci kenapa anda memilih setor jenis ini.  
( 20 markah )

...2/-

6. "Tiada rotan akarpun berguna". Sekiranya anda terlupa membawa kamera semasa menjalankan tugas di lapangan, apakah cara lain patut anda lakukan supaya penyelidikan yang dibuat itu padat dan mudah dikenalpasti.

( 20 markah )

- oooOOooo -